

FOUZIAH AMIR fouziah@sinarharian.com.my



Menyertai bantuan kemanusiaan di Davao, Filipina.

Dr Rashidi (kanan) meminati sukan permotoran dan restorasi kereta klasik seperti Porsche.

Memberi bantuan perkhidmatan kesihatan kepada Orang Asli di Kelantan.

Keluar dari kepompong buku

Minatnya mendalam untuk membantu golongan yang memerlukan sejak kecil membuatkan Dr Rashidi Mohamed Pakri Mohamed, 38, memilih doktor menjadi kerjayanya.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai doktor pakar perubahan keluarga di Pusat Perubahan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) berasa seronok kerana dapat menggunakan kepakarannya bagi melakukan kerja amal.

"Sepanjang pengalaman hampir 13 tahun sebagai doktor, saya tidak pernah rasa tertekan.

"Semasa melakukan konsultasi, saya perlu mendapat kepercayaan dan pesakit perlu berasa selesa apabila ingin berkongsi masalah," katanya.

PELUANG TUNTUT ILMU

Anak kelahiran Melaka ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Pasar 1 Kuala Lumpur (1984-1990), dan Sekolah Menengah Dato' Lokman Kampung Parit (1990-1995), sebelum menyambung pelajaran dalam bidang perubahan di Pusat Matrikulasi UKM, Kuala Pilah, seterusnya di UKM, Bangi.

"Minat membantu orang ini adalah hasil didikan ayah, Pakri Mohamed Mohd Ismail, 65, pemandu teksi, dan emak saya, Mahaumutha Abdul Karim, 58.

"Di sekolah, saya aktif dalam sukan bola sepak dan menjadi pengawas perpustakaan. Di zaman kampus, saya selalu menyertai program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi golongan warga emas dan kanak-kanak istimewa," ujar anak sulung daripada empat adik-beradik.

"Kelebihan sebagai sukarelawan adalah dapat

bertemu pelbagai lapisan masyarakat dan boleh memahami budaya mereka. Apa yang penting, niatkan kerana ALLAH SWT dan melakukan kebajikan dengan ikhlas," ujar graduan bidang perubahan UKM ini.

Dr Rashidi mengakui bukan mudah menjadi pelajar perubahan selama lima tahun. Beliau menggunakan pendekatan *study smart* dan banyak berbincang dengan rakan untuk belajar.

"Untuk keluar daripada kepompong buku, saya melibatkan diri dengan melakukan kerja kesukarelawan untuk mendekati masyarakat," ujar beliau yang memegang prinsip hidup, berpandukan iman kepada ALLAH dan menimba ilmu yang bermanfaat serta menjadi contoh kepada yang lain.

Dr Rashidi berkata, mahasiswa kini terdedah kepada pelbagai maklumat melalui media massa dan internet. Oleh itu, mereka harus pandai menilai yang mana baik dan buruk serta perlu menimbang implikasi setiap tindakan yang dilakukan.

"Gunakan masa muda untuk menimba ilmu dan berbakti kepada masyarakat. Libatkan diri dalam aktiviti sukarelawan kerana ia membina jati diri dan sangat bermanfaat. Ingat pengorbanan ibu bapa yang membesarkan kamu sehingga berjaya ke tahap ini.

Dr Rashidi puas memberikan bantuan dan memanfaatkan kepakaran

"Setiap orang akan mengalami cabaran dan masalah. Itu adalah lahrah kehidupan. Apa yang penting, bagaimana kita dapat bangun semula selepas kegagalan serta belajar daripada kesilapan.

"Tip saya yang ingin dikongsi dengan mahasiswa, jangan rasa takut sekiranya diberikan tugas yang kita belum pernah ada pengalaman. Ambil peluang yang diberikan dan belajar bagaimana untuk menyelesaikan tugas. Anggap setiap tugas yang diberikan sebagai peluang untuk mencapai kejayaan," katanya bersungguh-sungguh.

MENJADI MENTOR

Bapa kepada tiga anak ini dipilih sebagai mentor dalam program mentor Mahasiswa Perubahan UKM sejak dua tahun lalu. Program tersebut merupakan sebahagian kurikulum prasiswazah perubahan dalam Pembangunan Peribadi dan Profesional (PPD) dan visi serta misi UKM turut diterapkan.

"Mentor merupakan *role model* yang menunjukkan nilai baik kepada sekumpulan pelajar. Program tersebut membantu pelajar dalam menangani cabaran sepanjang pengajian mereka," kata pasangan kepada Dr Sellymiah Adzman.

Dr Rashidi juga merupakan ahli Majlis Pemikir Muda yang terdiri daripada golongan profesional, ahli politik dan tokoh



Keluarga menjadi sumber inspirasi kejayaan Dr Rashidi.

dalam pelbagai bidang. Dari situ, beliau dapat mendedahkan diri dalam kumpulan cara berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Ini memberi peluang kepada beliau untuk mempelajari perkara baru selain daripada bidang perubahan.

Menjadi aktivis dalam bantuan kemanusiaan ini juga memberi pengalaman luas buat Dr Rashidi. Atas komitmen dan kesungguhannya, beliau dilantik sebagai Ketua Bahagian Perubahan Elite Disaster Rescue Foundation.

"Saya dan 12 rakan menyertai bantuan kemanusiaan untuk mangsa rebut taufan di Davao, Filipina (2012) selama lima hari. Apabila memberi bantuan kepada mangsa bencana alam, aktivis perlu ada persediaan dari segi mental dan fizikal. Ini kerana kita masuk ke kawasan berisiko tinggi.

"Keselamatan diri menjadi keutamaan. Kita juga tidak boleh mengharapkan orang lain, jadi perlu pandai berdikari. Inilah cabaran sukarelawan yang sanggup keluar dari zon selesa.

"Saya juga menyertai bantuan mangsa banjir di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan selama tiga hari. Bukan sekadar membantu, tapi saya dapat mengenal pasti penyakit seperti penyakit kencing tikus, E.coli, typhoid dan kolera," kata peminat sukan permotoran seperti karting dan lumba kereta ini.

INFO

KELEBIHAN AKTIF SEBAGAI SUKARELAWAN

1. Meningkatkan keyakinan diri untuk membantu orang lain.
2. Menjadi lebih aktif secara fizikal dan mental.
3. Mengelakkan gejala sosial kalangan remaja.
4. Menggalakkan berbuat baik kepada semua orang.
5. Dalam Islam, kesukarelawanan adalah fardu kifayah.
6. Mempelajari kemahiran baru semasa latihan.
7. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelbagai peringkat.
8. Menghargai apa yang ada dan tidak mementingkan diri.
8. Menjadi contoh kepada ahli keluarga.